

## **SYARAT-SYARAT DAN PANDUAN PERMOHONAN PENGGUNAAN CERMIN GELAP**

### **1. PROSEDUR PERMOHONAN**

- (i) Pemohon dikehendaki mengemukakan Permohonan kepada Urusetia Bahagian Pengukuasa JPJ & Cawangan;
- (ii) Pemohon menggunakan Borang CG1 yang diisi dengan lengkap dan dikemukakan bersama;
  - (a) Salinan kad pengenalan;
  - (b) Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC);
  - (c) Salinan Sijil Kelulusan Cermin Gelap (bagi permohonan pembaharuan dan pertukaran);
- (iii) Permohonan bagi setiap kenderaan hendaklah dibuat secara berasingan dan ditandatangani oleh pemohon;
- (iv) Permohonan atas alasan kesihatan dan keselamatan perlu disertakan dengan dokumen sokongan;
- (v) Pemohon dan pemilik kenderaan tidak mempunyai apa-apa kes yang belum selesai dengan JPJ dan PDRM berhubung dengan apa-apa pelanggaran Akta APJ, ALPKP, APAD dan lain-lain Akta yang berkaitan; dan
- (vi) Permohonan penggunaan cermin gelap hanya dibenarkan kepada kenderaan yang didaftar atas nama pemohon sahaja. Jika kenderaan bukan hak milik pemohon, dokumen / surat hubungan dengan pemilik kenderaan perlu dikemukakan (contoh : sijil lahir / sijil perkahwinan dan lain-lain yang berkaitan).

#### **A. Bagi Permohonan Berasaskan KESIHATAN**

- (i) Kenderaan milikan persendirian individu / persendirian syarikat, Pemohon dikehendaki mengemukakan:
  - (a) Laporan Perubatan asal oleh Pakar Perubatan dari Hospital Kerajaan atau Pakar Perubatan Hospital Swasta yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menyatakan jenis atau nama penyakit secara spesifik (laporan perubatan yang terkini); dan
  - (b) Borang daftar Syarikat 24 dan Form 49 (bagi Syarikat) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat yang berdaftar.
  - (c) Fi Permohonan dan Fi Kelulusan tidak dikenakan ke atas permohonan berdasarkan kesihatan.

#### **B. Bagi Permohonan Berasaskan KESELAMATAN**

- (i) Kenderaan milikan persendirian individu / persendirian syarikat:
  - (a) Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti laporan polis atau lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan risiko keselamatan yang di hadapi (bagi individu);
  - (b) Pemohon dikehendaki mengemukakan Borang daftar Syarikat 24 dan Form 49 (bagi Syarikat) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat yang berdaftar;

- (c) Fi Permohonan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan.  
(tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan);
- (d) Fi Perakuan Kelulusan sebanyak RM 5,000.00 setelah mendapat surat makluman keputusan permohonan kelulusan penggunaan cermin gelap.  
(tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan); dan
- (ii) Kenderaan milikan Kerajaan/sewaan Kerajaan:
- (a) Surat permohonan daripada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Pengarah Jabatan;
- (b) Fi Permohonan dikenakan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan.  
(tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan); dan
- (c) Fi Perakuan tidak dikenakan ke atas permohonan kenderaan milikan Kerajaan/sewaan Kerajaan.
- (iii) Kenderaan milikan kakitangan Kedutaan / Kedutaan:
- (a) Surat permohonan daripada Kedutaan; dan
- (b) Fi Permohonan dikenakan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan.  
(tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan);
- (c) Fi Perakuan Kelulusan sebanyak RM 5,000.00 setelah mendapat surat makluman keputusan permohonan kelulusan penggunaan cermin gelap (tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan).
- (iv) Kelulusan yang telah tamat tempoh sah laku perlu membuat permohonan baru dua (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang telah dinyatakan dan bayaran fi dijelaskan.

### C. Bagi Permohonan Pertukaran Kelulusan Cermin Gelap

- (i) Pertukaran kelulusan cermin gelap mestilah atas sebab berikut:
- (a) Pemilik kenderaan motor membuat tukar ganti (*interchange*) nombor pendaftaran kenderaan motor; atau
- (b) Pemilik kenderaan motor membuat penukaran kepada mana-mana kenderaan motor yang dimilikinya;
- (c) Pemohon dikehendaki mengemukakan Sijil Perakuan kelulusan kenderaan terdahulu;
- (d) Tempoh sah laku kelulusan terdahulu tidak kurang daripada 6 bulan dari tamat tempoh kelulusan.

- (e) Sekiranya tempoh sah laku kelulusan terdahulu melebihi 6 bulan, pemohon perlu membuat permohonan baru;
- (f) Sekiranya permohonan diluluskan, tempoh tamat sah kelulusan adalah mengikut tempoh tamat kelulusan terdahulu;
- (g) Fi Permohonan dikenakan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan. (tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membuat pembatalan permohonan atau tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan);

## **2. PROSES PERMOHONAN CERMIN GELAP**

- (i) Bayaran Fi Permohonan (RM 50.00) dijelaskan di mana-mana pejabat JPJ Negeri/ Cawangan atau secara atas talian di Portal Awam JPJ di pautan (<https://public.jpj.gov.my/>).
- (ii) Jawatankuasa Khas akan meneliti dan menyemak setiap permohonan yang diterima sebelum diangkat kepada YB Menteri untuk pertimbangan;
- (iii) Surat keputusan akan dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat JPJ kepada pemohon secara pos berdaftar;
- (iv) Bagi Permohonan yang telah mendapat kelulusan, Pembayaran Fi Perakuan (RM 5,000.00) perlu dijelaskan di mana-mana pejabat JPJ Negeri/ Cawangan atau secara atas talian di Portal Awam JPJ di pautan (<https://public.jpj.gov.my/>); dan
- (v) Sijil Perakuan kelulusan cermin gelap akan di serahkan kepada pemohon secara pos berdaftar atau pemohon boleh hadir sendiri ke Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat JPJ untuk penyerahan sijil.

**Alamat :**

**Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Aras 3, Jalan Tun Hussein Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 61200 PUTRAJAYA. (No. Tel : 03-88928194 / 8186 / 8835)**

PERMOHONAN PENGGUNAAN CERMIN GELAP		JENIS PERMOHONAN	BAYARAN FI		TEMPOH KELULUSAN
			PERMOHONAN	PERAKUAN	
Kesihatan	Kenderaan Persendirian Individu / Persendirian Syarikat	Baharu	Tiada	Tiada	2 tahun
		Pembaharuan			
		Pertukaran			
Keselamatan	Kenderaan Persendirian Individu / Persendirian Syarikat	Baharu	RM 50.00	RM 5,000.00	5 tahun
		Pembaharuan	RM 50.00	RM 5,000.00	
		Pertukaran	RM 50.00	Tiada	
	Kenderaan Milikan Kerajaan	Baharu	RM 50.00	Tiada	2 tahun
		Pembaharuan			
		Pertukaran			
	Kenderaan Persendirian Individu Kedutaan / Milikan Kedutaan	Baharu	RM 50.00	RM 5,000.00	5 tahun
		Pembaharuan	RM 50.00	RM 5,000.00	
		Pertukaran	RM 50.00	Tiada	

*Tarikh Dikemaskini: 31 Disember 2021  
Tarikh Berkuatkuasa: 3 Januari 2022*